



Pak Abu nampaknya masih belum puas. Almaklumlah Pak Abu.

Ia selalu menyebut cerita-cerita lama tentang kuning dan buruknya kuning. Kalau cerita lama Pak Abu banyak boleh menyebut. Bukannya kuning sahaja bahkan lebih kuning dari yang kuning. Bukankah ada ceritanya, ya Pak Abu, kan ada: Muka berpandangan budi kedapatan. Apakah itu? Pembaca-pembaca tentu mau tau. Tetapi biarlah kita sama kita tahu sudahlah! Tau sama tau ya, Pak Abu.

Dengan tidak disangka-sangka cerita-cerita Pak atas Pak rupanya telah menjadi hal di Dewan Parlimen Persekutuan. Tuan *Speaker* telah tidak suka mendengar kata-kata Pak - seperti Pak Menteri dan sebagainya sehingga seorang Perikatan yang panggil Pak Menteri, Pak Nu dan sebagainya, Pak Abu..... (eh salah) telah mendapat teguran hebat. Bagaimana pula kalau orang sebut pak seperti erti pada Pak Abu - bapa bapa itu? Pak Abu tentunya boleh jawab.

* * *

Di dalam Muzakarah Ulama- Ulama di Kuala Kangsar maka ulama itu telah memutuskan bahawa wang loteri haram apalagi digunakan untuk masjid. Dengan keputusan itu bagaimanakah halnya Masjid Negara yang telah menentukan supaya dibina daripada wang loteri? Tidak apa bung, kata satu pihak sebab Tengku mau tanggung dosanya! Bukankah Tengku telah berkata begitu?

* * *

Sir Cheng Lock Tan telah meninggal. Kata tuan T. H. Tan ia telah berjasa benar menjadi sebab setengah

million orang Cina terselamat daripada dibuang negeri. Orang Melayu: Dengar! Dengar! Dengar!

* * *

Di dalam satu ucapannya Tengku Abdul Rahman Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu menyatakan bahawa beliau bersyukur telah semillion orang-orang Cina yang menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu. Alhamdulillah Tengku – sekali lagi Alhamdulillah!

* * *

Menurut Tuan ¹Baron, seperti yang dikatakan, kerana *Chief* Kadi Singapura telah mengkahwinkan “*faqih al-ustadh*” Syed Alwi Jamalullail, ulama Indonesia yang selalu tepuk dada itu dipandang telah menyalahi peraturan negeri. Kerananya Haji Ali, menurut berita yang tersiar, diberhentikan. Jamalullail mengecap nikmatnya dan telah pergi – Haji Ali *Chief* Kadi kena getahnya, jadi korban ²berabi, kata abang Tibawi.

Pak Abu bising, perkara orang pakai Syed pada permulaan namanya. Syabas Pak Abu mau cari persamaan tetapi di dalam karutan-karutan yang dimuat oleh Pak Abu membidas perkara itu dibuat oleh seorang yang mendahulukan namanya dengan raja. Apakah ini ada bezanya, Syed tidak boleh kerana ia berasal dari orang-orang Arab dan Raja boleh kerana dari Melayu: Hebat! Hebat! Hebat! Pak Abu: Kena mata dipicingkan kena perut dikempiskan. Ia tak Pak Abu.

Akhir al-kalam maka tersebutlah ceritanya rupanya Pak Abu ditinggalkan kawannya kerana dahulunya tajuknya semuanya pakai tulis khat tetapi beberapa lama hilang! Barangkali ada apa-apanya ataupun kawannya berbulan madu! Kalau betul diucapkan Selamat Pengantin Baharu! Bukannya Pak Abu ya! Kerana Pak Abu pandang sahaja - muka berpandangan budi kedapatan.

– Al-Farouq

¹ Tidak dapat dipastikan nama yang tepat kerana tiada nama penuh
² Ejaan berabi, kemungkinan lain berapi atau berabai